

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ER TECK HWA [BAKRI]
TARIKH : 26 MAC 2014
SOALAN :**

YB Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pesakit buah pinggang ketika ini mengikut daerah, berapakah jumlah mesin hemodialisis di setiap hospital daerah yang boleh berfungsi dan tidak berfungsi, berapakah doktor, jururawat dan staf sokongan yang ditempatkan untuk rawatan pesakit buah pinggang.

Tuan Yang Di Pertua

Pada tahun 2012, jumlah pesakit penyakit buah pinggang peringkat akhir yang menerima rawatan dialisis di seluruh negara adalah 28,725 orang. Daripada jumlah ini, 26,404 pesakit menjalani rawatan hemodialisis dan 2,321 pesakit menjalani rawatan *peritoneal dialysis*.

Registri Dialisis dan Transplan Malaysia tidak mengumpul data semua pesakit yang menghidap penyakit buah pinggang tetapi hanya mengumpul data pesakit yang berada pada tahap kritikal yang menjalani rawatan dialisis. Data yang dikumpul oleh Registri tersebut adalah bilangan pesakit yang menjalani dialisis mengikut negeri dan bukan mengikut daerah seperti maklumat di Jadual 1.

Negeri Selangor mempunyai bilangan pesakit yang terbesar yang menjalani dialisis, iaitu 5,497 pesakit diikuti oleh negeri Johor, iaitu 4,608 orang pesakit. Jumlah mesin hemodialisis di seluruh negara pada tahun 2012 termasuk di pihak swasta, NGO dan pihak awam adalah 7,599 mesin. Negeri Selangor mempunyai bilangan mesin hemodialisis yang terbesar, iaitu 1,539 mesin diikuti oleh negeri Johor, iaitu sebanyak 1,120 mesin.

Pada tahun 2012, fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempunyai 1,633 mesin hemodialisis. Daripada jumlah itu, 137 mesin tidak berfungsi. Pada tahun 2013, 225 mesin hemodialisis baru telah diperolehi untuk hospital KKM.

Sehingga 31 Disember 2013, terdapat seramai 44 orang pakar nefrologi yang sedang berkhidmat di KKM. Buat masa ini, KKM belum mempunyai statistik pegawai secara spesifik yang bertugas untuk rawatan buah pinggang mengikut jabatan di setiap hospital. Untuk sebuah unit hemodialisis, norma yang digunakan pada masa ini adalah seorang (1) jururawat untuk lima (5) pesakit yang menerima rawatan hemodialisis. Seorang Pegawai Perubatan atau Pakar Nefrologi bertanggungjawab secara keseluruhan bagi pengurusan pesakit di unit tersebut.

Jadual 1: Bilangan Pesakit dan Jumlah Mesin Hemodialisis Pada Tahun 2012 Mengikut Negeri

| Negeri | Bilangan Pesakit Dialisis Tahun 2012 | Bilangan Mesin Hemodialisis Tahun 2012 (swasta, NGO dan awam) |
|-----------------|---|--|
| WPKL | 2,549 | 659 |
| Pulau Pinang | 2,319 | 686 |
| Johor | 4,608 | 1,120 |
| N. Sembilan | 1,387 | 360 |
| Melaka | 1,048 | 310 |
| Perak | 2,938 | 814 |
| Selangor | 5,497 | 1,539 |
| Kedah | 1,802 | 468 |
| Terengganu | 912 | 188 |
| Pahang | 1,258 | 352 |
| Sarawak | 1,855 | 460 |
| Perlis | 171 | 54 |
| Kelantan | 964 | 242 |
| Sabah | 1,417 | 347 |
| MALAYSIA | 28,725 | 7,599 |